

NO. SOALAN : 515

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bagaimana peruntukan RM1.025 juta untuk projek pemindahan Batu Sumpah digunakan. Adakah peruntukan tersebut juga termasuk memulihkan plak Batu Sumpah, muzium khas Batu Sumpah dan melakukan upacara Batu Sumpah.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta di bawah Rolling Plan Kedua (2017-2018), Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RP 2, RMKe-11) bagi Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Relokasi Batu Sumpah Peringatan Mengikut Perlembagaan, Keningau, Sabah (Fasa 1).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek ini merangkumi kerja-kerja pemindahan Batu Sumpah, landskap, memulihkan plak Batu Sumpah dan menaiktaraf tempat letak kereta.

Sekian, terima kasih.